



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



# **SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN PENDIDIKAN KE-10**

**30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2001**

***Kertas Seminar 3:*  
Pemimpin dan Kepimpinan  
Di Sekolah Swasta**

**Y. BHG. DATO' HAJI HASSAN BIN HASHIM  
Jabatan Pendidikan Swasta**

***DENGAN KERJASAMA***

**UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD**



## PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN DI SEKOLAH SWASTA: SATU PEMERHATIAN.

Dato' Hj. Hassan Bin Hashim  
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Swasta.  
Kementerian Pendidikan Malaysia

*Kertas kerja ini akan membicarakan pemimpin dan kepimpinan di sekolah swasta. Di antara perkara-perkara yang akan disentuh dalam kertas kerja ini ialah peranan dan tanggungjawab pemimpin dalam sekolah swasta dan sistem sekolah swasta. Tanggungjawab dan peranan ini akan dilihat bukan sahaja dari sudut seorang pekerja tetapi dari aspek pembangunan pendidikan negara. Ini ialah kerana pemimpin sekolah swasta sebenarnya bukan hanya menjalankan peranan dan tanggungjawab serta tugas yang diberikan kepadanya tetapi ia juga bertanggungjawab menjayakan rancangan kerajaan dalam membangunkan pendidikan di negara ini. Dalam hal ini kertas kerja ini akan juga menyentuh beberapa pernyataan dasar yang berkaitan dengan pendidikan di peringkat sekolah yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMK 8) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Ke Tiga (RRJP3) dan kaitannya dengan kepimpinan di sekolah dan sistem pendidikan swasta.*

*Kertas kerja ini juga akan menyenaraikan dan membicarakan ciri-ciri pemimpin dan kepimpinan yang terdapat di sekolah swasta. Di antara ciri-ciri yang akan dibicarakan ialah: i) 'accountability', ii) 'sense of urgency', iii) kemahiran pemasaran, iv) pameran imej institusi, v) hubungan awam, vi) keusahawanan, (vii) 'remote sensing', dan viii) 'moment of truth'.*

### 1. PENGENALAN.

Pendidikan swasta adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara kerana objektif kedua-dua sistem pendidikan swasta dan sistem pendidikan awam adalah untuk menyediakan tempat belajar kepada rakyat di Malaysia. Walaupun pendidikan swasta dianggap mahal dari segi belanja persekolahan, sistem ini telah memenuhi cita rasa dan permintaan segolongan masyarakat yang mampu. Sistem ini sebenarnya adalah selaras dengan konsep liberalisasi dan pendemokrasian pendidikan. Liberalisasi dengan erti kata bahawa kerajaan membenarkan satu sistem alternatif yang tidak bercanggah dengan dasar pendidikan negara dan demokrasi dengan erti kata bahawa kerajaan tidak memaksa semua ibubapa menghantar anak mereka belajar di sekolah kerajaan. Cara ini sebenarnya memberi ruang yang lebih kepada pelajar untuk belajar di sekolah kerajaan. Sistem pendidikan swasta juga sebenarnya membantu kerajaan dari segi turut menampung dan menanggung kos yang perlu disediakan bagi membina dan mengurus sebuah sekolah.

Di dalam RMK 8, telah dinyatakan bahawa bagi melengkapkan usaha Kerajaan dalam penyediaan pendidikan rendah dan menengah, sektor swasta digalakkan menyediakan tempat di kedua-dua peringkat pendidikan tersebut. Sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan yang meliputi pengajaran nilai dan etika yang baik serta persediaan bagi menduduki peperiksaan awam. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Tujuh, enrolmen di peringkat rendah dan menengah di sekolah swasta meningkat daripada 102,112 pelajar pada tahun 1995 kepada 127,684 pelajar pada tahun 2000.

Terdapat beberapa jenis persekolahan swasta seperti berikut:

*Sekolah Rendah dan Menengah Akademik Swasta.*

Sekolah rendah dan menengah akademik swasta menggunakan kurikulum kebangsaan dan pelajar akan menduduki peperiksaan awam yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Penggal persekolahan juga mengikut penggal persekolahan sekolah kerajaan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan dari segi waktu belajar. Sebagai contoh, di Kolej Yayasan Saad (KYS) waktu belajar adalah dari jam 7.40 pagi hingga 4.30 petang di mana terdapat waktu makan dan rehat di antara jangka masa itu.

*Sekolah Rendah dan Menengah Agama Swasta.*

Sekolah rendah dan menengah agama menawarkan pendidikan agama Islam kepada pelajar Islam. Mereka juga menawarkan kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

*Sekolah Antarabangsa.*

Sekolah Antarabangsa adalah sekolah yang ditubuhkan untuk pelajar-pelajar antarabangsa. Sekolah ini menggunakan kurikulum negara luar seperti Amerika Syarikat atau United Kingdom. Sekolah ini menyediakan pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka di negara-negara berkenaan.

*Sekolah Ekspatriat.*

Sekolah ekspatriat dibina khas bagi kumpulan ekspatriat dari negara tertentu seperti Jepun, Taiwan dan Indonesia. Sekolah ini terhad kepada rakyat negara berkenaan sahaja.

Sekolah antarabangsa dan ekspatriat tidak terbuka kepada rakyat Malaysia melainkan dalam kes-kes tertentu di mana terdapat pelajar Malaysia yang belajar di sekolah antarabangsa.

## **2. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB.**

Peranan dan tanggungjawab pemimpin sekolah swasta bukan sahaja terhad kepada apa yang termaktub di dalam kontrak 'employment' mereka tetapi juga dalam menjaga dan memajukan perniagaan majikan. Sebagai contoh, seorang pengetua sekolah swasta bukan sahaja menjalankan tugas seperti mana yang dipertanggungjawabkan kepadanya tetapi juga perlu faham dan melaksanakan perancangan perniagaan majikan. Ini menyebabkan pemimpin sekolah swasta perlu faham bukan sahaja aspek akademik tetapi juga perniagaan.

### **3. CIRI-CIRI PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN YANG TERDAPAT DI SEKOLAH SWASTA TERPILIH.**

#### **3.1. 'Accountability',**

Setiap orang yang menjadi ahli dalam mana-mana organisasi mempunyai tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Begitu juga dengan pemimpin sesebuah institusi pendidikan. Di kalangan pemimpin sekolah yang diperhatikan, kebertanggungjawaban (accountability) ini melebihi daripada yang disenaraikan dalam kontrak kerja mereka. Mereka akan bertanggungjawab kepada hal-hal akademik dan juga bukan akademik. Segala masalah yang timbul akan ditangani dengan sewajarnya kerana apa-apa tindakan yang diambil boleh menjejaskan 'periuk nasi' pemimpin itu. Ini ialah kerana pemimpin ini lebih terdedah untuk diberhentikan sekiranya berlaku kesalahan atau kesilapan yang boleh menjejaskan nama atau masa depan sekolah yang dipimpinnya. Tanggungjawab yang berat ini menjadikan pemimpin sekolah swasta yang diperhatikan lebih 'accountable'.

#### **3.2. 'Sense of urgency',**

Dalam dunia pendidikan swasta yang 'competitive', satu-satu tindakan itu perlu dilakukan dengan cepat dan pantas. 'Sense of urgency' ini bukan sahaja dari segi menyelesaikan masalah, tetapi juga dari segi perancangan masa depan. Pemimpin sekolah swasta terpilih sentiasa peka kepada keperluan pelanggan dan mengambil tindakan yang perlu dengan cepat. Ini ialah kerana kelewatan mengambil tindakan yang diperlukan boleh menjejaskan imej dan secara tidak langsung 'survival' sekolah itu. Tindakan yang cepat dan pantas juga melibatkan respons kepada permintaan dari Jabatan Pendidikan Swasta atau Kementerian Pendidikan untuk bekerjasama bagi menjayakan satu-satu rancangan Kementerian Pendidikan. Misalnya, apabila Kementerian Pendidikan merancang untuk mengadakan majlis Sehari Bersama Pelanggan, beberapa buah sekolah swasta yang dipohon bantuan telah memberi bantuan yang diperlukan dengan segera. Sikap 'sense of urgency' di kalangan pemimpin ini telah sedikit sebanyak membantu kejayaan majlis itu yang dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan.

### **3.3. Kemahiran pemasaran.**

Salah satu elemen penting yang perlu dimiliki oleh pemimpin sekolah swasta ialah kemahiran pemasaran. Ini ialah kerana salah satu tanggungjawabnya ialah mendapatkan pelajar yang ramai. Bagi tujuan ini beberapa pendekatan digunakan oleh sekolah swasta seperti membuat iklan di media cetak dan elektronik. Ada di antaranya menggunakan juga internet dengan membina laman web mereka sendiri. Di samping itu terdapat juga yang menggunakan pendekatan terus (direct approach) melalui Hari Terbuka. Sebagai contoh, Sekolah Sri Garden akan mengadakan Hari Terbuka di mana bakal pelajar dan ibubapa bebas untuk meninjau kemudahan di sekolah. Mereka juga diberi peluang untuk 'mencuba' dan 'merasa' suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan dengan membenarkan bakal pelajar memasuki mana-mana kelas untuk jangka masa tertentu. Jika mereka berpuas hati, maka bakal pelajar akan terus belajar, tetapi jika tidak berpuas hati, mereka boleh berhenti tanpa dikenakan apa-apa bayaran dalam jangka masa 'percubaan' itu.

### **3.4. Pemameran imej institusi.**

Imej adalah penting dalam dunia perniagaan. Ini ada kaitan dengan konsep dan amalan penjenamaan (branding). Sebagai contoh, nama-nama seperti Kolej Yayasan Saad (KYS), Sekolah Sri Cempaka, Sekolah Sri Garden mempunyai 'brand' tersendiri. Imej ini dibina melalui satu sistem pembudayaan (enculturation) yang sistematik. Misalnya, di KYS dan Sekolah Seri Cempaka, semua pelajar wajib mempelajari muzik. Mereka dikehendaki belajar memainkan mana-mana alat muzik kegemaran mereka. Cara ini telah menyebabkan KYS mampu mempunyai satu-satunya orkestra di peringkat sekolah di Malaysia.

Mewajibkan setiap pelajar belajar dan memainkan alatan muzik mempunyai rasional tertentu. Sebagai contoh, rasional yang diberikan oleh Sekolah Seri Cempaka dan KYS ialah melalui bermain alat muzik pelajar diajar supaya sabar dan berdisiplin. Pengajaran ini dilakukan melalui hiburan yang mana penanaman sifat sabar dan disiplin itu dilakukan secara tidak langsung kerana seseorang yang bermain alat muzik terutama alat muzik yang 'sophisticated' seperti piano dan violin perlu sabar, tekun, dan berdisiplin. Melalui pembelajaran alat muzik juga, seseorang pelajar itu diajar untuk membangun diri (self-development) kerana untuk berjaya ia perlu melalui tingkat-tingkat dan tahap-tahap tertentu seperti daripada tahap tidak tahu langsung bermain gitar pada mula-mula diperkenalkan pada awal tahun pengajian hingga boleh memainkan lagu di akhir tahun pengajian. Secara tidak langsung, pelajar ini akan belajar mengenai pembangunan dirinya dari segi bermain alat muzik. Bermain alat muzik juga menjadi asas kepada pembinaan pasukan (team building) dan 'esprit de corp'. Bermain muzik secara berpasukan terutama dalam bentuk orkestra

seperti orkestra KYS memerlukan tumpuan dan komitmen yang tinggi kepada pasukan. Ini ialah kerana jika ada di antara pemain muzik dalam pasukan dan kumpulan itu silap dari segi rentak muziknya maka ia menjadi sumbang dan mudah diketahui kesilapan itu oleh pendengar atau penonton. Pemain muzik dalam sesebuah orkestra perlu patuh kepada pengarah. Jika tidak, irama muzik yang dimainkan boleh jadi sumbang. Sistem ini melatih pelajar supaya patuh kepada pemimpin. Di samping itu, ia juga menanam sikap berdisiplin dan komitmen yang tinggi kepada pasukan. Muzik juga dapat membantu membentuk peribadi yang menyeluruh melalui keupayaan mengapresiasi seni. Bagi meningkatkan imej institusi ini orkestra KYS mengadakan persembahan mereka di seluruh Malaysia dan juga di hadapan orang-orang kenamaan seperti DYMM Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong dan YAB Perdana Menteri.

Selain daripada itu, sebahagian besar pemain pasukan rugby sekolah-sekolah Melaka adalah pelajar KYS. Pemilihan rugby sebagai permainan padang KYS juga mempunyai sebab tersendiri. Rugby adalah 'gentleman game' seperti mana yang terdapat di kebanyakan 'boarding school' ternama di England seperti Eaton. Walaupun permainan rugby ini dianggap sebagai sejenis permainan yang 'kasar', ia sebenarnya berfungsi sebagai latihan tahan lasak dan berdisiplin di samping menanam semangat berpasukan. Permainan ini juga melatih pelajar supaya berfikir secara pintar (intelligence). Ini ialah kerana dalam permainan rugby, selepas sepuluh minit permainan, kapten pasukan perlu memikirkan strategi untuk menumpaskan lawan. Mereka perlu merancang strategi ketika bermain supaya mereka menggunakan tenaga fizikal secara minimum tetapi mencapai kejayaan secara maksimum. Selain daripada latihan melalui sukan, pelajar juga dilatih tentang etika dan etiket (etiquette) ketika bertutur dan makan serta menyambut tetamu. Ini adalah di antara elemen 'humanware' yang terdapat di KYS.

Pemameran imej ini bukan sahaja di kalangan pelajar tetapi yang penting ialah ketrampilan pemimpin yang mengetuai institusi itu. Sebagai contoh, pemimpin Sekolah Seri Cempaka sentiasa berada di mana terdapat pelajarnya mengambil bahagian bagi acara awam dan tertutup. Ini dapat dilihat ketika beliau berada di Pelancaran Sehari Bersama Pelanggan Kementerian Pendidikan. Beliau berada bersama pelajarnya yang mengadakan latihan di Kementerian Pendidikan. Beliau berada semasa persembahan diadakan walaupun di tengah panas dan dalam keadaan tidak berapa sihat selepas menjalani pembedahan. Ini adalah untuk memastikan bahawa persembahan yang diberikan itu adalah yang terbaik dan tidak ada apa-apa perkara yang boleh menjejaskan imej sekolah. Ini juga adalah satu pemameran imej seorang pemimpin yang berdedikasi, bertanggungjawab dan komited. Di samping itu beliau boleh mengetahui secara peribadi setiap individu pelajarnya terutama setiap nama pelajar seramai lebih kurang 1,000 pelajar. Ini menyebabkan setiap pelajar menganggap beliau sebagai ibu kepada mereka.

Pemameran imej juga dapat dilihat dari segi penglibatan sekolah dalam pertandingan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, Sekolah Sri Garden adalah satu-satunya sekolah di Malaysia yang menjadi johan selama dua tahun berturut-turut (1999 dan 2000) dalam pertandingan Japan Airlines World Childrens' Haiku Competition.

### **3.5. Hubungan awam,**

Amalan 'common sense' dan 'human touch' digunakan oleh pemimpin di KYS bagi mendapatkan komitmen dan kesetiaan guru. Keterbukaan dan ketelusan menjadi amalan pemimpin di Sekolah Seri Cempaka. Setiap guru dan kakitangan akan dipanggil untuk diajak berbincang apabila tiba masa untuk menilai performan tahunan mereka. Setiap guru diberi peluang untuk menjelaskan pendirian mereka jika mereka tidak berpuas hati terhadap markah penilaian yang dibuat.

Satu lagi bentuk hubungan awam yang diamalkan ialah sumbangan kepada masyarakat dalam bentuk mengadakan ceramah profesional secara percuma yang terbuka kepada awam. Ini adalah salah satu bentuk hubungan awam yang diamalkan oleh Sekolah Seri Garden. Dengan cara ini masyarakat umum akan mengenali sekolah ini dan bagi mereka yang belum pernah mengentahuinya akan dapat menilai sendiri apabila mereka melawat sekolah ini. Ini adalah juga satu bentuk sumbangan sekolah kepada masyarakat.

### **3.6. Keusahawanan,**

Tugas dan tanggungjawab pemimpin sekolah swasta bukan sahaja mengurus sekolah tetapi juga perlu memikirkan dan merancang bagaimana untuk memajukan sekolah dari segi akademik, fizikal dan kewangan. Kemajuan akademik dan fizikal akan bergantung sebahagian besarnya kepada kekuatan kewangan. Bagi memastikan bahawa sekolah itu maju, maka pemimpin sekolah berkenaan perlu mempunyai keupayaan sebagai seorang usahawan yang sentiasa memikirkan bagaimana hendak mendapat sumber kewangan supaya kedudukannya akan lebih teguh. Di antara usaha yang diamalkan oleh sekolah ini ialah menjalin ikatan dengan syarikat-syarikat korporat. Dalam hal ini pemimpin dilibatkan sama dalam perancangan korporat sekiranya sekolah itu dipunyai oleh badan korporat. Dengan cara ini, pemimpin sekolah dapat memahami objektif keusahawanan yang dipegang oleh syarikat.

Dunia korporat yang mencabar memerlukan pemimpin yang tabah, kental dan cekal. Memandangkan bahawa sekolah swasta adalah satu bentuk bisnes yang kompetitif, maka sikap dan ciri-ciri keusahawanan perlu ada di setiap pemimpin institusi ini.

### **3.7. 'Remote sensing'**

Konsep 'remote sensing' adalah berdasarkan kepada penggunaan satelit bagi mengenalpasti kedudukan satu-satu tempat dari segi sumber atau sasaran yang diketahui terdapat di bumi. Dengan mendapat maklumat awal mengenai sumber yang ada dengan cepat, maka satu-satu organisasi dapat merancang lebih awal bagi menghadapi pesaing. Sekolah swasta yang berjaya didapati menggunakan konsep ini dalam perancangan mereka untuk 'survive'. Mereka dapat 'menghidu' apa-apa perkembangan masa depan berdasarkan kajian yang teliti seperti perkembangan dasar kerajaan berkaitan pendidikan, perkembangan sosio-politik dan ekonomi negara dan juga negara jiran. Sebagai contoh, Sekolah Sri Garden sudah mula merancang strategi mereka sebaik sahaja YB Menteri Pendidikan mengumumkan sistem pendidikan yang baru iaitu P-12.

### **3.8. 'Moments of truth'.**

Konsep 'moments of truth' diamalkan dengan maksud memberi layanan dan perkhidmatan yang diperlukan pada detik yang paling sangat-sangat diperlukan. Konsep dan amalan ini diperkenalkan oleh Jan Carlzon, presiden bagi syarikat penerbangan SAS. Amalan ini akhirnya menjadi ikutan banyak syarikat-syarikat besar dunia terutama syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500. Amalan ini dilakukan oleh sekolah-sekolah yang diperhatikan kerana mereka percaya bahawa pelanggan mereka adalah berharga dan mereka berhak untuk mendapat perkhidmatan dan layanan yang sepatutnya. Melayan dan membantu pelanggan dengan segera berdasarkan konsep 'moments of truth' juga ada kaitan dengan pembinaan dan pemameran imej.

### **3.9. Amalan pengurusan.**

Sistem dan amalan pengurusan di sesebuah organisasi akan menentukan kejayaan organisasi itu. Perkara ini juga terpakai kepada sistem pengurusan di sekolah. Di International Japanese School, Subang Jaya, pengarah pentadbirnya adalah bekas seorang pegawai di syarikat Mitsubishi Corporation iaitu salah sebuah syarikat korporat multinational yang terbesar di Jepun dan juga dunia. Pengalaman selama 30 tahun di Mitsubishi Corporation telah memberi manfaat kepada sekolah itu dari segi pengurusan dan pentadbiran kerana beliau mampu membawa elemen pengurusan korporat kepada sekolah tersebut. Di samping itu pendedahan kepada sistem pembuatan keputusan dalam dunia korporat lebih memantapkan keperibadian dan kepakaran pemimpin itu dalam hal-hal yang berkaitan dengan bisnes pendidikan. Dalam hal ini, pengetua sekolah ini yang mempunyai pengalaman pengurusan sekolah mampu mendapat manfaat dari pengalaman pengarah pentadbiran yang datangnya dari dunia korporat. Di KYS pula, pengetua di kolej ini mendapat bimbingan dari seorang korporat yang berpengalaman kerana pengetua ini bertanggungjawab terus kepada beliau.

Walaupun ramai pelajar di KYS mampu membeli telefon bimbit, penggunaannya dilarang di kawasan institusi ini kerana ia boleh mengganggu proses pengajaran, pembelajaran dan didikan pelajar di institusi ini. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan suasana sama rata kerana bukan semua pelajar KYS datangnya dari keluarga yang berada. Bagaimanapun, pelajar diberi kebebasan meluahkan perasaan mereka melalui kreativiti. Misalnya, menjelang peperiksaan PMR, beberapa bentuk ucapan, kata-kata semangat dicipta secara kreatif dan dipamerkan di papan kenyataan. Ada juga ciptaan itu dicipta berunsurkan 'humour' dan juga dalam bentuk kartun. Apa yang penting ialah peluang bagi pelajar untuk menunjukkan daya kreativiti. Di samping itu 'humour' juga dapat mengendurkan ketegangan minda dalam menghadapi peperiksaan.

Di International Japanese School, kita tidak akan menjumpai kantin bagi pelajar. Ini ialah kerana pihak pentadbir percaya bahawa makanan yang disediakan oleh ibu di rumah adalah lebih khasiatnya. Di samping itu, pelajar ditanam dengan sifat menghargai sumbangan ibu bapa dari segi menyediakan makanan untuk membesarkan mereka. Tambahan pula, ia adalah satu cara untuk menghargai dan mengamalkan makanan bangsa sendiri dan tidak terdedahkan lebih kepada makanan-makanan barat atau yang kurang berkhasiat. Semasa makan pula, pelajar akan berkongsi bersama makanan yang masing-masing bawa. Ini secara tidak langsung menanam semangat setiakawan dan perkongsian sumber.

Dalam beberapa hal, guru adalah bersama 'accountable' terhadap perlakuan guru. Sebagai contoh, di Kolej Yayasan Saad (KYS), pihak pengurus memberi kuasa kepada guru-guru untuk memutuskan samada seseorang guru yang menimbulkan masalah kepada sekolah yang boleh menjejaskan reputasi sekolah patut diberhentikan atau tidak. Keputusan itu akan disampaikan kepada pihak pengurusan untuk mendapat kata putus. Penggunaan sistem pemantauan berpasukan yang terdiri dari ahli sendiri, iaitu guru-guru, mewujudkan sistem 'pemantauan sendiri' (self regulatory). Sistem ini didapati lebih berkesan kerana pasukan ini sentiasa memastikan bahawa kewibawaan dan imej ahli dijaga dengan pengawasan dari pihak pengurusan menjadi paling minima.

#### 4. KESIMPULAN.

Peranan dan tanggungjawab pemimpin di sekolah swasta tidaklah banyak bezanya jika dibandingkan dengan pemimpin di sekolah kerajaan. Kedua-dua pemimpin ini mempunyai satu tanggungjawab yang serupa iaitu memastikan bahawa pelajar di bawah jagaannya mendapat pendidikan yang sewajarnya. Bagaimanapun, untuk menjadi seorang pemimpin di sekolah swasta, seseorang itu perlu mempunyai sifat dan sikap tambahan yang perlu ada terutama dari segi keusahawanan. Ini ialah kerana penilaian ke atas pemimpin sekolah swasta mengambil kira juga keupayaannya untuk menambah sumber kewangan dan menambah keuntungan majikan. Pemimpin sekolah swasta juga perlu sentiasa cekap, bertanggungjawab dan setia kepada majikan kerana ia boleh diberhentikan pada bila-bila masa jika kedudukan dan keadaan sekolah yang dipimpinnya tidak mencapai prestasi seperti yang dirancang. Oleh itu, seorang pemimpin sekolah swasta perlu mahir dan mempunyai berbagai 'survival kits' untuk terus memegang jawatan itu.

